



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.26/2018

MESYUARAT KHAS SPR BERKAITAN URUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa satu Mesyuarat Khas SPR Sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan diadakan pada **10 April 2018 (Selasa), jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Menara SPR, Putrajaya. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh Pengerusi SPR, Y.Bhg Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRU-14 seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian Awal, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

DATUK HAJI ABDUL GHANI BIN SALLEH

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh: 9 April 2018/23 Rejab 1439H